



PENGAPLIKASIAN PENDEKATAN SEMANTIK INKUISITIF DALAM PEMBELAJARAN PERIBAHASA MELAYU: ANALISIS TERHADAP BUKU TEKS SEKOLAH MENENGAH

(Application of Inquisitive Semantics in the Learning of Malay Proverbs: An Analysis of Secondary School Textbooks)

Mohd Ridzuan Md Nasir¹  
wan_rabbani@yahoo.com.my

Mary Fatimah Subet²  
sufatimah@unimas.my

Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.^{1&2}

Institut Seni Kreatif dan Teknologi (iCreate), Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.²

Pengarang Koresponden (*Corresponding Author*):¹

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Mohd Ridzuan Md Nasir & Mary Fatimah Subet. (2024). Pengaplikasian pendekatan semantik inkuisitif dalam pembelajaran peribahasa Melayu: Analisis terhadap buku teks sekolah menengah. *Jurnal Bahasa*, 24(2), 217–242. [https://doi.org/10.37052/jb24\(2\)no2](https://doi.org/10.37052/jb24(2)no2)

Peroleh: <i>Received:</i>	12/8/2024	Semakan: <i>Revised</i>	6/9/2024	Terima: <i>Accepted:</i>	10/10/2024	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	27/11/2024
------------------------------	-----------	----------------------------	----------	-----------------------------	------------	--	------------

Abstrak

Pembelajaran peribahasa dengan penerapan kaedah menghafal maksud kamus sahaja tidak akan dapat merangsang kemahiran berfikir aras tinggi pelajar. Guru perlu mengenal pasti pendekatan yang bersifat menyeluruh. Pendekatan yang dimaksudkan perlulah berupaya membantu pelajar untuk memahami maksud, menghubungkaitkan penggunaan peribahasa dan makna dalam konteks ujaran sebenar, serta menghayati dan menghargai estetika peribahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, pengkaji meneliti pengaplikasian pendekatan semantik inkuisitif dalam analisis makna peribahasa yang terkandung dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah berpandukan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Bahasa Melayu

sebagai kaedah alternatif pengajaran dan pembelajaran peribahasa. Kajian kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan ini mengambil data daripada buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Data dianalisis menggunakan kerangka kajian semantik inkuisitif yang melibatkan tiga tahap, iaitu semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan ini tidak hanya membantu pembelajaran peribahasa berlaku secara menyeluruh, tetapi juga merangsang kemahiran berfikir aras tinggi pelajar, seterusnya menjadikannya lebih relevan dalam konteks pembelajaran abad ke-21. Dengan berdasarkan hasil kajian, didapati bahawa semantik inkuisitif sesuai dijadikan sebagai kaedah alternatif dalam pengajaran dan pembelajaran peribahasa selaras dengan elemen pembelajaran berasaskan inkuiri dan pembelajaran kontekstual dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Kajian ini juga menekankan kepentingan pembelajaran multidisiplin melalui peribahasa yang meliputi aspek sejarah, budaya dan sains, serta memperkaya pengajaran Bahasa Melayu dengan elemen rentas kurikulum.

Kata kunci: Semantik inkuisitif, teori relevans, peribahasa, bahasa Melayu, Kurikulum Standard Sekolah Menengah, falsafah dan akal budi

Abstract

The learning of proverbs through the method of memorizing dictionary meanings alone will not stimulate students' higher-order thinking skills. Teachers need to identify a comprehensive approach that can help students understand meanings, relate the use of proverbs and their meanings in real speech contexts, and appreciate the aesthetics of Malay proverbs. In this regard, the researcher examined the application of inquisitive semantics in analyzing the meanings of proverbs contained in the secondary school Malay language syllabus based on the KSSM Malay Language curriculum as an alternative method for teaching and learning proverbs. This qualitative study, in the form of content analysis, obtained data from the Malay Language textbooks for Form 4 and Form 5. The data were analyzed using the framework of the inquisitive semantic study, which involves three stages: script semantics, semantic resonance, and inquisitive semantics. The findings indicated that this approach not only facilitates comprehensive learning of proverbs, but also stimulates students' higher-order thinking skills, making it more relevant in the context of 21st-century learning. The conclusion of this

study suggests that inquisitive semantics is suitable as an alternative method in the teaching and learning of proverbs, in line with the elements of inquiry-based learning and contextual learning in KSSM. This study also emphasizes the importance of multidisciplinary learning through proverbs, encompassing aspects of history, culture, and science, as well as enriching the teaching of the Malay language with cross-curricular elements.

Keywords: Inquisitive semantics, relevance theory, proverbs, Malay language, KSSM, philosophy and wisdom

PENDAHULUAN

Peribahasa merupakan warisan seni bahasa yang berfungsi sebagai alat komunikasi berbentuk kiasan yang digunakan sejak berkurun-kurun lamanya oleh setiap bangsa di dunia dan menjadi satu daripada elemen penting ketika berbahasa (Bakri Hussein Suleiman Al-Azzam, 2018). Ungkapan peribahasa disusun dalam bentuk kalimat berkias yang memiliki susunan kata yang teratur, ringkas dan padat, serta memiliki makna yang tepat untuk memberikan nasihat dan teguran kepada masyarakat (Asmah Haji Omar, 2015; Hamilton, 1947; Nor Hashimah Jalaluddin, 2014). Peribahasa berperanan penting dalam kehidupan masyarakat Melayu, serta berfungsi sebagai hukum adat dan panduan moral yang memberikan pendidikan kepada anggota masyarakat jika falsafahnya difahami dengan baiknya (Brown, 1951; Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011). Oleh itu, usaha untuk menjaga peribahasa adalah penting agar tetap relevan dalam masyarakat dan dapat diwariskan kepada generasi muda supaya seni bahasa ini terus terpelihara sepanjang zaman.

Dengan merujuk Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) pada tahun 2018, terdapat lima modul utama yang menjadi teras pembelajaran, iaitu, kemahiran membaca, kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran menulis, penguasaan tatabahasa dan penguasaan seni bahasa. Bagi aspek seni bahasa, fokusnya ialah kemahiran kebahasaan dan kesusasteraan yang perlu dikuasai dan difahami oleh pelajar. Pembelajaran seni bahasa dalam subjek Bahasa Melayu yang perlu difahami, dihayati dan dikuasai oleh pelajar merangkumi syair, pantun, sajak, gurindam dan peribahasa. Dalam aspek pembelajaran peribahasa, Ahmad Mahmood Musanif et al. (2011) berpendapat bahawa pembelajaran bahasa dilihat berupaya untuk berkembang dan relevan jika

pelajar dapat menguasai makna peribahasa dengan baiknya. Antara elemen dalam pengukuran penguasaan kemahiran berbahasa bagi pelajar yang dapat diperhatikan termasuklah kebolehan pelajar untuk menggunakan peribahasa dalam aktiviti pembelajaran bahasa. Contohnya, penggunaan peribahasa yang tepat dan sesuai dalam pertuturan di dalam kelas dan penulisan karangan. Hal ini menjadikan hasilnya lebih berestetika dan bermutu, sekali gus melambangkan ketinggian kemahiran berbahasa pelajar tersebut.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) peribahasa yang bersesuaian perlu dikenal pasti dan dikaji, serta dijadikan amalan oleh guru bagi membantu pelajar menggunakan peribahasa secara menyeluruh. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut Hasmidar Hassan (2016), Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan (2010), dan Nor Hashimah Jalaluddin dan Julaina Nopiah (2011), pelajar bukan sahaja perlu diajar untuk menguasai ungkapan peribahasa dan maksudnya, tetapi juga perlu menguasai kemahiran untuk menghubungkaitkan makna peribahasa dengan konteks ayat untuk memahami falsafah dan akal budi yang terkandung dalam pembentukan peribahasa tersebut. Oleh sebab sifat peribahasa yang menggunakan perlambangan dan metafora dalam ungkapannya, masyarakat memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi untuk mentafsirkan maksud peribahasa (Black, 2000; Elaheh Rafatbakhsh & Alireza Ahmadi, 2019; Samburskiy, 2020). Dalam hal ini, guru perlu memilih pendekatan pengajaran peribahasa yang bersesuaian untuk menggalakkan aktiviti penerokaan makna peribahasa agar maksudnya dapat difahami oleh pelajar dengan tepatnya (Muhammad Faez Nurazman Amrullah et al., 2022). Oleh hal yang demikian, pengkaji mencadangkan agar guru perlu memilih pendekatan PdP peribahasa yang bersifat kontekstual dan inkuiri. Contohnya, pelajar didedahkan dengan kaedah pembelajaran yang bersifat penerokaan untuk mendalami makna tersirat di sebalik sesebuah ungkapan peribahasa. Pada dasarnya, cadangan ini menepati kehendak KSSM Bahasa Melayu yang menggalakkan guru untuk menggunakan strategi pembelajaran berasaskan inkuiri dalam pembelajaran bahasa.

Kaedah pembelajaran peribahasa yang bersifat penerokaan atau inkuiri dilihat berupaya untuk membantu pelajar merangsang kemahiran berfikir aras tinggi dan mempunyai tahap pemikiran untuk mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Oleh itu, kerangka kajian semantik inkuisitif oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) yang digunakan untuk menganalisis makna peribahasa sehingga akar umbi dilihat selari dan menepati matlamat kajian ini.

Nor Hashimah Jalaluddin (2014) telah memperkenalkan pendekatan semantik inkuisitif yang berasaskan penerokaan dan inkuiri. Setelah semantik skrip dan semantik resonans digunakan sebagai dasar dalam bidang pengkajian ilmu makna, Nor Hashimah Jalaluddin (2014) berpendapat bahawa analisis makna memerlukan satu lagi tahap tambahan yang melangkaui pemahaman “mata kasar”. Tafsiran menggunakan akal budi adalah penting untuk memahami makna peribahasa dengan lebih mendalam. Konsep semantik inkuisitif dilandasi oleh prinsip inkuiri atau semangat ingin tahu. Pertanyaan tentang “kenapa” dan “mengapa” diajukan sehingga makna sebenar peribahasa yang dikaji berjaya dicungkil dan ditemukan akar umbinya, sekali gus menyerlahkan akal budi penutur jati. Selain melibatkan skrip, data, teori dan kognitif dalam proses menganalisis makna, semantik inkuisitif turut menonjolkan keindahan bahasa, budaya, falsafah dan akal budi penuturnya yang dikatakan mencerminkan kebijaksanaan pemikiran Melayu (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014).

Semantik inkuisitif bukan sahaja berfungsi untuk mencungkil makna peribahasa sehingga menemukan falsafah dan akal budi Melayu, malah berupaya menonjolkan kepelbagaian ilmu pengetahuan yang bersifat merentas sempadan ilmu bahasa, seperti sejarah, sains, geografi dan agama (Muhammad Zaid Daud, 2018a, 2018b; Nor Hashimah Jalaluddin, 2014). Ciri pembelajaran multidisiplin yang ditemukan dalam kerangka kajian semantik inkuisitif ini dilihat mempunyai persamaan dengan strategi PdP yang terkandung dalam KSSM Bahasa Melayu, iaitu usaha mengintegrasikan kepelbagaian ilmu dalam proses PdP yang dikenali sebagai Elemen Merentas Kurikulum (EMK). Selain perkara yang dinyatakan dalam Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP), EMK merupakan komponen nilai tambah yang digunakan dalam proses PdP. Tujuan penerapan elemen ini dalam proses PdP adalah untuk meningkatkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dimaksudkan supaya pelajar berupaya menangani cabaran semasa dan masa hadapan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018). Walaupun semantik inkuisitif berada di bawah cabang bidang linguisitik dan digunakan untuk menganalisis makna dari perspektif lakuan bahasa, pengkaji berpendapat bahawa semantik inkuisitif juga dapat dimanfaatkan dan dikembangkan ilmunya untuk pembelajaran peribahasa. Oleh itu, objektif utama makalah ini adalah untuk meneliti pendekatan semantik inkuisitif sebagai kaedah alternatif untuk pengajaran dan pembelajaran peribahasa berdasarkan beberapa strategi pedagogi yang terdapat dalam KSSM Bahasa Melayu.

KAJIAN LEPAS

Bahagian ini mengelaskan kajian terdahulu kepada dua kategori, iaitu kajian tentang kaedah pengajaran peribahasa dan kajian tentang analisis makna peribahasa menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Dari perspektif kaedah pengajaran, banyak pengkaji terdahulu memfokuskan penggunaan teknologi dan aplikasi untuk memudahkan pembelajaran peribahasa dalam kalangan pelajar. Contohnya, Norleyza Jailani et al. (2020), Azrizan Abu Bakar et al. (2020) dan Nurul Amisyah Nabila Jaafar et al. (2022). Namun begitu, pendekatan dalam kajian tersebut hanya memfokuskan penguasaan peribahasa pada tahap permukaan. Menurut pendapat pengkaji, pada dasarnya, pengaplikasian teknologi digital untuk kaedah PdP di dalam bilik darjah mempunyai kelemahan dalam beberapa aspek.

Siti Fatimah Ahmad dan Ab. Halim Tamuri (2010) menyatakan bahawa faktor kekurangan kemudahan teknologi di sekolah, terutamanya di kawasan pinggir bandar dan luar bandar menjadi kekangan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berasaskan teknologi digital di sekolah. Tambahan pula, Mohd Ridzuan Md Nasir (2019) berpendapat bahawa penggunaan komputer riba, tablet dan telefon dalam kalangan pelajar di sekolah terhad, serta bergantung pada peraturan dan kemudahan yang disediakan oleh pihak sekolah. Oleh itu, pengkaji menyarankan agar kaedah pengajaran dan pembelajaran peribahasa perlu menggunakan pendekatan yang lebih fleksibel dan praktikal, sesuai dengan prasarana semasa di semua sekolah di negara ini.

Selain itu, terdapat kajian yang mengaplikasikan pembelajaran berasaskan projek oleh Datu Ramlee Datu Amir Hussin (2020). Walau bagaimanapun, kajian ini masih terhad pada penguasaan makna literal peribahasa. Kajian ini hanya memfokuskan pelajar untuk menyenaraikan maksud daripada kamus dan mengambil masa yang lama untuk diselesaikan. Selain pengetahuan makna kamus, pelajar juga perlu memahami makna kognitif peribahasa agar dapat mengaitkan makna tersurat dan tersirat dalam konteks dan situasi sebenar.

Seterusnya, dalam aspek kajian semantik inkuisitif, pengkaji lepas menganalisis makna peribahasa dengan memfokuskan sumber yang kebanyakannya mengambil unsur alam, seperti haiwan dan tumbuhan, sebagai tema kajian. Misalnya, Muhammad Zaid Daud (2018a, 2018b) mengkaji makna peribahasa berunsurkan haiwan, seperti angsa, burung, itik, ayam dan musang. Murthy dan Mary Fatimah Subet (2019) dan Murthy et al. (2019) pula menganalisis makna peribahasa yang melibatkan

katak dan gajah. Selain itu, terdapat juga kajian makna peribahasa dan akal budi yang berasaskan tumbuhan, seperti lada hitam, halia dan kunyit (Murthy et al., 2019), padi (Junaini Kasdan & Julaina Nopiah, 2021; Kingkin Puput Kinanti & Anita Kurnia Rachman, 2019) dan bunga (Aisa Nurfika Mohd Sabarudin & Nurul Jamilah Rosly, 2021). Selain peribahasa bersumberkan flora dan fauna, ada kajian semantik inkuisitif yang meneliti makna peribahasa dengan unsur seni bina, makanan, anggota badan dan konsep kepimpinan dalam masyarakat Melayu (Aminnudin Saimon & Muhammad Asyraf Md. Rashid, 2022; Asad Mohamed & Nor Hashimah Jalaluddin, 2018; Muhamad Fadzllah Zaini & Nor Hashimah Jalaluddin, 2019). Secara asasnya, kajian ini dilakukan untuk menganalisis fenomena bahasa melalui perspektif semantik inkuisitif.

Dengan berdasarkan cerapan pengkaji, kajian tentang pengaplikasian semantik inkuisitif sebagai kaedah alternatif untuk pengajaran dan pembelajaran peribahasa pada peringkat sekolah menengah masih kurang. Walaupun terdapat kajian yang dilakukan oleh George Romiko Bujang dan Mary Fatimah Subet (2021, 2022a, 2022b) yang mengaplikasikan semantik inkuisitif dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran, kajian itu lebih menumpukan data bersumberkan bahasa kiasan, seperti syair, sajak dan pantun, untuk peringkat sekolah rendah. Sementara itu, Mary Fatimah Subet dan Mohd Ridzuan Md Nasir (2019) mengkaji makna peribahasa bertemakan kekeluargaan, hal kehidupan dan nasib yang diambil daripada *Kamus Peribahasa* (2017), tetapi data kajian ini diambil daripada buku teks lama yang kurang relevan selepas pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Oleh itu, pengkaji mencadangkan pelaksanaan kajian lanjutan menggunakan data terkini untuk memperkaya kajian semantik inkuisitif dan memberikan peluang kepada pengkaji untuk memahami pelbagai aspek makna peribahasa dalam konteks yang lebih relevan.

METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kualitatif sepenuhnya dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Data kajian dihuraikan secara deskriptif. Pendekatan ini digunakan bagi menganalisis dan menghuraikan makna peribahasa dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Makalah ini menggunakan teknik persampelan bertujuan yang dilihat bersesuaian untuk memenuhi tujuan kajian. Data kajian berbentuk data sekunder, iaitu senarai peribahasa Melayu yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4


dan Tingkatan 5. Pengkaji juga menggunakan data sokongan daripada dokumen KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5, Pangkalan Data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka dan kamus peribahasa yang berwibawa, seperti *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua* (2016), *Peribahasa Wajib Tahu dan Faham* (2023) dan *Kamus Peribahasa* (2017).

Setelah mengenal pasti sumber data, pengkaji menyemak dan meneliti buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 bagi menyenaraikan semua peribahasa yang ada. Data yang berjaya dikumpulkan berjumlah 180. Pengelompokan data ini dilakukan berdasarkan kategori peribahasa yang dikelaskan dalam *Kamus Peribahasa* (2017). Kategori peribahasa, bilangan, jumlah dan peratusan data yang terkumpul dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Data terkumpul mengikut kategori peribahasa.

Kategori Peribahasa	Buku Teks Ting. 4	Buku Teks Ting. 5	Jumlah	Peratusan
Simpulan bahasa	36	42	78	43
Bidalan	27	22	49	27
Pepatah	21	16	37	21
Perumpamaan	7	9	16	9
Jumlah Keseluruhan	91	89	180	100

Untuk proses selanjutnya, pengkaji mengelompokkan peribahasa mengikut tema yang berkaitan berdasarkan maknanya. Proses ini merujuk 18 tema daripada Pendekatan Tematik yang terdapat dalam KSSM Bahasa Melayu. Pengkaji memilih tema ini kerana tema ini turut digunakan dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 sebagai kandungan pembelajaran. Walau bagaimanapun, untuk menghadkan skop dan memfokuskan analisis, hanya dua tema yang dipilih, iaitu “Pendidikan” dan “Pekerjaan/Kerjaya”. Pemilihan tema dilakukan secara rawak bertujuan, manakala data ditentukan mengikut kaitan makna dengan tema yang dipilih. Pengelasan peribahasa berdasarkan tema dapat membantu pengkaji memfokuskan ruang lingkup kajian dan melakukan analisis dengan lebih terkawal. Dalam kajian ini, hanya satu peribahasa daripada setiap tema dianalisis, menjadikan keseluruhan analisis kajian melibatkan dua peribahasa. Data ini dianalisis menggunakan kerangka kajian semantik inkuisitif seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1 Kerangka kajian semantik inkuisitif. (Sumber: Diubah suai daripada Nor Hashimah Jalaluddin (2020))

Dengan berdasarkan Rajah 1, kerangka kajian semantik inkuisitif terdiri daripada tiga tahap analisis. Semantik skrip hanya melibatkan analisis maksud permukaan. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2020), makna skrip tidak dapat menunjukkan perkaitan antara bahasa dengan kognitif, dan memerlukan analisis pada peringkat seterusnya, iaitu semantik resonans.

Pada tahap seterusnya, makna peribahasa dianalisis dengan melibatkan teori, data dan proses kognitif penutur, serta meneliti hubungannya dari aspek kebahasaan melalui bukti linguistik. Proses ini melibatkan penerapan Rangka Rujuk Silang (RRS) yang diperkenalkan oleh Kempson (1986). Rangka Rujuk Silang ialah subteori di bawah Teori Relevans (TR), iaitu teori pragmatik yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson pada tahun 1986 dan kemudian diperbaharu pada tahun 1995 dari aspek konteks, kesan kognitif dan usaha memproses. Walaupun begitu, analisis pada peringkat semantik resonans masih belum mencukupi untuk menghubungkan makna tersirat dengan falsafah dan akal budi penutur jati. Oleh itu, analisis makna peribahasa diteruskan ke tahap yang lebih tinggi, iaitu analisis semantik inkuisitif yang menggabungkan bahasa, budaya, kognitif, falsafah dan akal budi Melayu (Nor Hashimah Jalaluddin, 2020).

Semantik inkuisitif diaplikasikan dengan cara membangkitkan persoalan “kenapa, kenapa dan kenapa” imej atau objek tersebut dipilih untuk menyampaikan sesuatu maksud. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2020), kaedah ini diaplikasikan untuk mengorek makna abstrak peribahasa dengan lebih mendalam sehingga akar umbi sehingga menerobos akal budi Melayu di balik penciptaan peribahasa. Analisis makna pada tahap ketiga ini bukan sahaja dapat mencungkil falsafah dan akal budi di balik pembentukan ungkapan peribahasa yang dikaji, malah berupaya untuk menonjolkan kepelbagaian ilmu merentas bidang kajian bahasa itu sendiri (George Romiko Bujang & Mary Fatimah Subet, 2021, 2022a, 2022b; Mary Fatimah Subet & Mohd Ridzuan Md Nasir, 2019; Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet, 2022; Nor Hashimah Jalaluddin, 2014;).

ANALISIS DATA

Analisis data melibatkan peribahasa yang dikumpulkan di bawah dua tema, iaitu “Pendidikan” dan “Pekerjaan/Kerjaya”. Satu peribahasa bagi setiap tema dianalisis sebagai perbincangan untuk kajian ini. Data kajian diambil daripada buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 (2019) dan buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 (2021) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka untuk Kementerian Pendidikan Malaysia. Data dikelaskan kepada beberapa tema tertentu untuk mengehadikan dan mengurangkan skop kajian bagi menguji kepada kerangka teori bagi mencerap, membuat huraian dan menjelaskan makna peribahasa menggunakan semantik inkuisitif. Kemudian, hasil analisis data dibincangkan melalui perspektif strategi pembelajaran dalam dokumen KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Setelah itu, perbincangan diteruskan dengan analisis makna peribahasa yang terpilih.

Analisis Makna Peribahasa Bertemakan “Pendidikan”

Di bawah tema “Pendidikan”, pengkaji mengenal pasti enam peribahasa daripada kelompok data yang maknanya dilihat mempunyai perkaitan dengan maksud pendidikan itu sendiri, seperti “mendidik”, “didikan”, “ilmu”, “pengetahuan”, “belajar” dan “pengalaman”. Bagi tujuan perbincangan dan analisis data di bawah tema “Pendidikan”, pengkaji memilih peribahasa yang berada pada kedudukan paling atas, iaitu **Hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai**, untuk dianalisis menggunakan kerangka semantik

inkuisitif. Senarai peribahasa di bawah tema “Pendidikan” ini ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 Peribahasa bertemakan “Pendidikan”.

Bil.	Peribahasa	Makna	Asosiasi Makna
1.	Hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai	Jika kita hendak belajar sesuatu, kita perlulah belajar daripada orang yang pakar dalam hal tersebut	Belajar
2.	Melentur buluh biarlah dari rebungnya	Mendidik anak biarlah sejak mereka masih kecil	Mendidik
3.	Bagaimana acuan begitulah kuihnya	Seseorang anak akan mengikut perangai atau didikan ibu dan bapanya	Didikan
4.	Belum tahu di masin garam, belum tahu di pedas lada	Belum cukup pengalaman/ilmu	Pengalaman/ilmu
5.	Jauhari juga yang mengenal manikam	Orang yang bijaksana sahaja mengetahui keelokan ilmu	Ilmu
6.	Lubuk akal tepian ilmu	Orang yang sangat luas ilmu pengetahuan	Ilmu pengetahuan

Analisis Makna Peribahasa “Hendak Belajar Berenang Dapatkan Itik, Hendak Belajar Memanjat Dapatkan Tupai”

Analisis dilakukan secara bertahap, iaitu Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3.

Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Maksud kamus bagi peribahasa **hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai** ialah jika kita hendak belajar sesuatu, kita perlulah belajar daripada orang yang pakar dalam hal tersebut.

Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Analisis **hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai** bagi peringkat semantik resonans ditunjukkan dalam ujaran (i).

(i)

Peribahasa Melayu ada mengatakan, ***hendak belajar berenang, dapatkan itik, hendak belajar memanjat, dapatkan tupai***. Sehubungan dengan itu, Kelab Renang dan Rekreasi Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Jaya telah mengadakan Kursus Asas Berenang di bawah bimbingan Profesor Madya Dr. Tengku Fadilah binti Tengku Kamalden, Pensyarah, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia yang merupakan bekas perenang negara.

Ayat (i) menunjukkan peribahasa **hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai** dalam ayat pertama. Ujaran ini tidak menyatakan maksud tersirat peribahasa yang digunakan. Jika diperhatikan dengan telitinya, ayat kedua dalam ujaran (i) menerangkan makna peribahasa ini secara implisit, tetapi perlu dibantu oleh beberapa maklumat tambahan yang terdapat dalam ujaran tersebut.

Dalam konteks ayat (i), **Kursus Asas Berenang** dianjurkan untuk membolehkan ahli Kelab Renang dan Rekreasi Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Jaya belajar berenang dengan bimbingan pakar. Dengan menggunakan RRS, frasa **Kursus Asas Berenang** dapat dirujuksilangkan dengan ungkapan peribahasa, iaitu **hendak belajar berenang**. Seterusnya, ayat **bimbingan Profesor Madya Dr. Tengku Fadilah binti Tengku Kamalden ... yang merupakan bekas perenang negara** ialah ungkapan yang mempunyai sifat anteseden dan dapat dirujuksilangkan dengan ungkapan **dapatkan itik**. Ungkapan daripada ayat kedua ini berperanan sebagai maklumat tambahan yang dapat membentuk konteks dan kesan kognitif berdasarkan latar belakang dan andaian awal pendengar. Dalam ujaran ayat kedua, individu yang dinyatakan ialah seseorang yang pernah menjadi atlet sukan renang pada peringkat antarabangsa yang mewakili negara. Sebagai bekas perenang negara, pasti banyak kejayaan yang pernah diraih oleh individu tersebut dan sudah tentu gelaran tersebut meletakkan dirinya sebagai seseorang yang mempunyai banyak pengalaman dan memiliki kepakaran yang tinggi dalam bidang renang.

Dalam konteks ujaran yang diberikan, peribahasa ini pada asasnya tidak sukar untuk diinterpretasikan kerana terdapat maklumat tambahan untuk memahami konteks penggunaan peribahasa ini berdasarkan makna skripnya dalam ayat kedua. Dengan pengaplikasian RRS dan rujukan

yang bersesuaian, pendengar dengan mudahnya dapat mengaitkan makna tersirat peribahasa yang digunakan dalam ujaran ini, iaitu **jika hendak belajar sesuatu, belajar daripada orang yang pakar dalam bidang tersebut**.

Walau bagaimanapun, maksud peribahasa ini tidak boleh dibataskan pada kemahiran atau ilmu yang dinyatakan sahaja, iaitu **berenang** dan **memanjat**. Hal ini dikatakan demikian kerana leksikal **berenang** dan **memanjat** yang digunakan dalam peribahasa ini bersifat metafora dan membawa maksud selain daripada maknanya yang tersurat, iaitu berkonotasi dengan apa-apa sahaja ilmu atau kemahiran yang ingin dipelajari. Imej **itik** dan **tupai** pula digunakan sebagai lambang bagi **orang yang pakar dalam bidangnya** yang merujuk kemahiran yang dimiliki.

Untuk memahami makna peribahasa **hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai** dalam ujaran yang disampaikan, kos memproses yang tinggi tidak diperlukan. Hal ini dikatakan demikian kerana proses penginterpretasian makna peribahasa dengan menggunakan RRS telah mewujudkan kesan kognitif yang baik oleh pendengar atau pembaca berdasarkan andaian awal yang timbul melalui perkaitan yang dibuat antara ayat pertama dengan ayat kedua. Oleh itu, jelaslah bahawa pengaplikasian RRS pada peringkat semantik resonans dapat membantu pembaca untuk memahami makna tersirat peribahasa yang bersifat metafora dengan mengambil kira penggunaan data, teori dan kognitif.

Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Peribahasa **hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai** ini telah dikelompokkan di bawah domain “Pendidikan” dalam kajian ini kerana maknanya yang mempunyai unsur nasihat yang memfokuskan proses perolehan ilmu/kemahiran dan pembelajaran. Dengan berdasarkan sudut pandang semantik inkuisitif, sebab masyarakat pada zaman dahulu mengambil imej haiwan, seperti itik dan tupai, sebagai subjek dalam peribahasa ini berbanding dengan haiwan lain perlu diajukkan.

Itik ialah nama panggilan biasa yang digunakan untuk beberapa spesies unggas air dalam keluarga *Anatidae*. Nama saintifik bagi itik ialah *Anas Platyrhynchos*. Itik merupakan sejenis burung akuatik yang saiznya cenderung lebih kecil daripada beberapa jenis keluarganya yang lain, seperti angsa (Ahmad Akmal & Tety R. Sutedia, 2022; Hajira Ramlan, 2021). Haiwan ini dikenali sebagai burung air kerana tangkas berenang dan

menyelam. Itik dapat berenang dan menyelam dengan sangat baik untuk mencari makanan di dalam air, seperti ikan kecil, serangga dan tumbuhan akuatik. Selain itu, itik memiliki diet pemakanan yang bervariasi, seperti menjadikan amfibia kecil, cacing dan moluska kecil, sebagai makanannya. Unggas air ini lebih suka menghabiskan masanya di air berbanding dengan di darat. Saiznya yang kecil, bentuk badannya yang tegap dan bulunya yang terisolasi sepenuhnya, serta terhubung rapat menyebabkan bulu halus pada permukaan kulitnya tidak basah, seterusnya mempengaruhi ketangkasan dan pengemudiannya ketika berenang, sama ada pada permukaan atau di dalam air. Itik juga mempunyai kaki berbentuk lebar berselaput yang membantu menjadikannya perenang dan penyelam yang baik dan mampu bergerak dengan tangkasnya untuk merentasi air (Ahmad Akmal & Tety R. Sutedja, 2022; Hajira Ramlan, 2021).

Bagi tupai atau nama saintifiknya, *Sciuridae*, kehebatannya dapat dilihat pada ketangkasannya memanjat pokok dan melompat di udara. Haiwan ini dikategorikan sebagai hidupan liar. Tupai sejenis mamalia kecil dengan badan yang memanjang dan mempunyai bulu halus berwarna coklat, hitam, putih atau merah. Haiwan kecil ini mempunyai mata bersaiz besar yang terletak di bawah telinga dan pada sisi kepala yang memberikan kelebihan untuk melihat sesuatu dengan lebih luas. Kelebihan ini digunakan untuk mengesan mangsa dan pemangsa dengan lebih mudah. Mamalia ini mempunyai empat kaki dan kaki hadapannya berfungsi sebagai tangan untuk memegang makanan. Tupai mempunyai kebolehan untuk memanjat dan melompat kerana memiliki kaki dan cakar yang kuat untuk berpaut dan menggenggam sesuatu. Dengan saiz badannya yang kecil, tupai dapat memanjat sesuatu dengan tangkasnya dan melompat dengan sangat baik pada dahan pokok. Tupai dewasa biasanya dapat melompat hingga tiga meter dalam satu lompatan. Untuk menyokong tubuhnya ketika melakukan lompatan, lapisan pada kedua-dua belah tangannya mengembang ketika melompat yang menjadikannya kelihatan seperti sedang terbang (Hajira Ramlan, 2021; Richard et al., 2012).

Dengan merujuk huraian yang diberikan tentang fakta **itik** dan **tupai** ini, jelaslah bahawa kedua-dua imej haiwan yang digunakan dalam peribahasa ini memberikan rujukan yang tepat untuk menjelaskan makna peribahasa ini. Dengan berdasarkan penelitian makna ini, peribahasa **jika hendak belajar tentang sesuatu, belajarlah dengan orang yang pakar dalam bidangnya** menjelaskan bahawa setiap orang perlu memilih guru yang tepat dan mahir dalam bidang yang ingin dipelajari dalam urusan menuntut ilmu. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat dalil daripada al-Quran yang

menjelaskan tuntutan untuk menuntut ilmu daripada ahlinya seperti yang tercatat dalam terjemahan surah al-Nahl ayat 43 yang bermaksud:

Dan Kami tidak mengutus sebelum engkau (Muhammad), melainkan orang laki-laki yang Kami beri wahyu kepada mereka; maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahui.

Maksud ayat al-Quran ini jelas menunjukkan keperluan untuk belajar daripada orang yang mempunyai pengetahuan atau yang mempunyai kepakaran dalam bidangnya jika seseorang itu ingin belajar. Sesungguhnya, urusan menuntut ilmu daripada orang yang pakar dalam bidangnya dituntut dalam Islam. Pemilihan guru yang bersesuaian dengan bidang kemahiran yang ingin dipelajari amat penting untuk mengelakkan salah faham tentang ilmu tersebut.

Walaupun begitu, terdapat satu lagi persoalan yang perlu dibangkitkan, iaitu alasan orang Melayu pada zaman dahulu menggabungkan **itik** dan **tupai** dalam peribahasa ini berbanding dengan memilih satu daripadanya sahaja. Jawapannya ialah seseorang yang pakar dalam sesuatu bidang ilmu belum tentu pakar dalam bidang ilmu yang lain. Hal ini ditegaskan oleh Mohammad Rizhan Leman (2017) yang menyatakan bahawa orang yang pakar dalam bidang undang-undang tidak semestinya mempunyai pengetahuan dalam bidang hadis dan begitulah sebaliknya. Oleh itu, dua imej haiwan digabungkan dalam ungkapan peribahasa ini untuk menunjukkan perbezaan kepakaran yang dimiliki oleh **itik** dan **tupai**. Secara tidak langsung, gabungan dua imej haiwan dalam peribahasa ini menjelaskan makna tentang keperluan untuk belajar daripada orang yang pakar dalam bidang yang dipilih.

Oleh itu, berdasarkan huraian dan tafsiran akal budi Melayu dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif, jelaslah bahawa penciptaan peribahasa **hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai** membuktikan kebijaksanaan pemikiran orang Melayu dahulu kala. Walaupun hanya menerapkan dua unsur fauna dalam peribahasa ini sebagai simbol, makna peribahasa ini berjaya dijelaskan sehingga akar umbi dan kepelbagaian ilmu pengetahuan dapat dicungkil dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Selain bermanfaat dalam kajian bahasa, penggunaan pendekatan semantik inkuisitif dalam kajian ini turut menonjolkan ilmu yang berkaitan dengan zoologi, iaitu tentang **itik** dan **tupai**, dan hal yang berkaitan dengan kaedah menuntut ilmu menurut pandangan agama Islam.

Analisis Makna Peribahasa Bertemakan “Pekerjaan/Kerjaya”

Di bawah tema kedua, iaitu “Pekerjaan/Kerjaya” terdapat lapan peribahasa yang telah dikenal pasti yang mempunyai hubungan makna dengan tema ini. Senarai peribahasa yang terlibat dipaparkan dalam Jadual 3.

Jadual 3 Peribahasa bertemakan “Pekerjaan/Kerjaya”.

Bil.	Peribahasa	Makna	Asosiasi Makna
1.	Bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk	Makin banyak ilmu atau makin tinggi kedudukan/pangkat, makin merendah diri	Kedudukan/pangkat; kerjaya
2.	Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai	Sekiranya takut menanggung kesusahan, jangan melakukan pekerjaan yang sukar	Risiko pekerjaan
3.	Umpama sirih, menjalar dulu kemudian melilit, barulah memanjat ke pucuk junjung	Tiap-tiap pekerjaan hendaklah dilakukan mengikut aturannya	Tatakelola pekerjaan
4.	Patah sayap bertongkat paruh	Terus berusaha tanpa putus asa	Berusaha bekerja
5.	Pengayuh sayang dibasahkan, sampan tidak akan sampai ke seberang	Tidak akan tercapai maksudnya jika tidak berusaha dan bersusah payah	Culas bekerja
6.	Belayar sambil memapan, memapan sambil belayar	Sekali melakukan pekerjaan dua tiga maksud tercapai	Berstrategi dalam pekerjaan
7.	Genggam bara api biar sampai jadi arang	Melakukan sesuatu pekerjaan yang susah hendaklah bersabar dan buat sehingga selesai	Gigih dalam pekerjaan
8.	Sambil menyelam minum air	Melakukan dua pekerjaan dalam satu masa yang mendatangkan faedah untuk kedua-duanya	Berstrategi dalam pekerjaan

Analisis Makna Peribahasa “Bawa Resmi Padi, Makin Berisi Makin Tunduk”

Analisis dilakukan secara bertahap, iaitu Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3.

Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Maksud kamus bagi peribahasa **bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk** ialah makin banyak ilmu atau makin tinggi kedudukan/pangkat, makin merendah diri seseorang itu.

Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Pengkaji menggunakan contoh ayat (ii) yang diperoleh daripada Pangkalan Data Korpus DBP untuk analisis data bagi peringkat semantik resonans.

(ii)

“Ayahanda tak nak kita besar kepala tetapi mahu kita jadi rendah diri. Biar kita ***jadi seperti resmi padi, makin berisi makin menunduk*** dan jangan lupa diri.” itu antara pesanan yang tersemat kukuh dalam jiwa Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah yang kini menggalas tanggungjawab untuk menjaga negeri ketiga terbesar di Malaysia itu.

Ujaran dalam contoh ayat (ii) menggunakan peribahasa **bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk** bagi memotivasikan hal yang berkaitan dengan “kedudukan/pangkat”. Walau bagaimanapun, penggunaan peribahasa dalam ujaran ini tidak disertakan maksudnya yang tersirat. Konteks ayat ini jelas memerlukan pembuktian linguistik dalam usaha menyampaikan maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penutur asal melalui penggunaan peribahasa. Kehadiran beberapa premis tambahan yang terdapat dalam ujaran dalam ayat (ii) dapat dimanfaatkan oleh pendengar/pembaca untuk menginterpretasikan makna peribahasa tersebut walaupun maksudnya tidak dinyatakan secara langsung.

Melalui RRS, kos memproses makna peribahasa ini menjadi rendah dan tidak sukar ditafsirkan dengan bantuan beberapa maklumat tambahan yang wujud. Kehadiran frasa **ayahanda tak nak kita besar kepala tetapi mahu kita jadi rendah diri** pada pangkal ayat sebelum peribahasa **jadi seperti resmi padi, makin berisi makin tunduk**, pada dasarnya memberikan gambaran tentang maksud peribahasa yang ingin disampaikan. Kesan kognitif yang wujud makin jelas apabila frasa **jangan lupa diri** turut muncul selepas peribahasa tersebut dikemukakan.

Seterusnya, frasa **menggalas tanggungjawab untuk menjaga negeri** yang wujud dalam ayat (ii) juga secara eksplisitnya mengkomunikasikan maksud peribahasa ini yang berkaitan dengan larangan kepada ahli masyarakat untuk tidak meninggi diri atau bersikap sombong apabila memegang jawatan, kedudukan atau pangkat yang tinggi. Dalam konteks contoh ayat yang diberikan, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah merupakan Pemangku Raja Pahang. Walaupun begitu, baginda sentiasa memegang amanah dan nasihat daripada ayahandanya untuk sentiasa merendah diri, tidak besar kepala dan tidak lupa diri. Melalui pembuktian linguistik yang dibantu dengan pendekatan RRS, analisis makna peribahasa pada peringkat semantik resonans yang melibatkan data, teori dan kognitif telah berjaya menjelaskan maksud peribahasa yang ingin disampaikan melalui bantuan premis tambahan walaupun penutur tidak menyatakan makna peribahasa tersebut secara langsung.

Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Pada peringkat ini, analisis dilakukan dengan cara mempersoalkan alasan masyarakat Melayu pada zaman dahulu menggunakan imej **padi** untuk menggambarkan maksud **makin banyak ilmu atau makin tinggi kedudukan/pangkat makin merendah diri**. Peribahasa **bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk** dikelompokkan di bawah tema “Pekerjaan/Kerjaya” dalam kajian ini kerana asosiasi maknanya mempunyai kaitan dengan pekerjaan/kerjaya, iaitu kedudukan atau pangkat. Dalam sesuatu pekerjaan atau kerjaya, terdapat hierarki yang membezakan susunan atau kedudukan pangkat seseorang, sama ada tinggi atau rendah, yang sebahagian besarnya ditentukan oleh tahap pendidikan dan pengalaman. Makin tinggi kedudukan dan pangkat seseorang dalam organisasi, makin besar kuasa dan pengaruhnya. Oleh hal yang demikian, kajian ini menganalisis makna peribahasa **bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk** di bawah skop tema “Pekerjaan/Kerjaya” dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif.

Padi atau nama saintifiknya, *Oryza sativa* ialah sejenis tanaman dalam keluarga *Gramineae*. Padi antara sumber pertanian utama di Malaysia. Terdapat dua jenis padi yang diusahakan di negara ini, iaitu padi sawah (padi bendang) dan padi huma (padi bukit). Padi ditanam secara kekal di Malaysia sejak berabad-abad lamanya, terutamanya di Sungai Muda, Sungai Merbok (Kedah–Perlis), dan kawasan lembah sungai di Kelantan dan Terengganu. Masyarakat Melayu pada zaman dahulu mengusahakan tanaman padi secara tradisional tanpa bantuan mesin dan jentera besar. Peralatan tradisional digunakan untuk menanam padi dalam petak sawah

kecil milik keluarga sendiri. Namun begitu, jika keluarga tersebut memiliki sawah yang luas dan besar, tanaman diusahakan secara beramai-ramai dengan bantuan ahli keluarga lain atau pekerja yang diupah. Peralatan yang digunakan berbeza-beza bergantung pada peringkat penanaman padi, bermula daripada aktiviti menyemai benih sehinggalah tiba musim menuai. Antara alat yang digunakan dalam proses penanaman padi termasuklah pembedai, bakul lau, sisir, tenggiling, kayu pengandar, kuku kambing dan pisau pengiau (Mashhor Mansor & Mohd Kipli Abdul Rahman, 2014).

Jika ungkapan peribahasa **bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk** diperhatikan, imej padi yang ditonjolkan oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu ialah keadaan padi yang berada pada fasa akhir atau tempoh pemasakan. Proses pertumbuhan padi terdiri daripada tiga fasa utama, iaitu vegetatif, reproduktif dan tempoh pemasakan. Tempoh pemasakan berlaku 75 hari selepas benih ditabur dan proses untuk padi masak adalah dalam tempoh antara 25–35 hari sebelum boleh dituai yang lazimnya berlaku pada musim kemarau. Tempoh pemasakan bermaksud jangka masa yang diperlukan untuk padi membentuk biji padi, bermula dari hari pembenihan, manakala tempoh padi masak pula merujuk fasa akhir dalam proses pertumbuhan padi apabila biji padi berubah daripada warna hijau kepada warna kuning keemasan. Pada peringkat ini, padi telah matang dan sedia dituai (Junaini Kasdan & Julaina Nopiah, 2021). Apabila ciri yang terdapat pada padi yang sedang dalam proses untuk masak dan matang diperhatikan, terdapat satu keadaan apabila malai padi mula menunduk sedikit demi sedikit kesan daripada buah padi yang makin berisi sehinggalah padi tersebut dapat dituai. Hal ini berlaku kerana buah padi yang berisi menjadi makin berat dan menyebabkan batang padi tidak mampu menampung berat buah padi yang akhirnya membengkok dan menjadikan pokok padi berada pada posisi menunduk apabila matang (Fransisca Yanti et al., 2014). Hasil daripada pemerhatian masyarakat Melayu pada zaman dahulu terhadap ciri padi yang dikaitkan dengan ragam kehidupan manusia di kelilingnya telah memotivasikan pembentukan peribahasa **bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk**.

Proses pertumbuhan padi yang bermula daripada fasa percambahan benih sehinggalah tempoh pemasakan pada dasarnya mempunyai hubungan rapat dengan sifat manusia apabila mengejar kejayaan hidup. Definisi kejayaan bagi seseorang bersifat subjektif. Walau bagaimanapun, untuk berjaya, seseorang itu perlu berusaha dan bermula dari awal. Contohnya, bagi orang yang ingin mendapat tempat yang bagus dalam sektor pekerjaan, secara asasnya, orang tersebut perlu bermula dengan

usaha mendapatkan pendidikan dan perlu berjaya dalam pelajaran pada peringkat yang lebih tinggi. Secara umumnya, pekerjaan seseorang ditentukan berdasarkan tahap pendidikannya. Kelayakan akademik sangat mempengaruhi penentuan jawatan dan pangkat seseorang, sama ada dalam sektor swasta atau kerajaan. Dalam norma masyarakat, orang yang memiliki ilmu yang tinggi, pekerjaan yang bagus, jawatan, kedudukan dan pangkat yang tinggi akan memiliki status sosial yang tinggi dalam kalangan ahli masyarakat. Walaupun memiliki kedudukan dan pangkat yang tinggi, seseorang itu perlu bersifat rendah diri, tidak besar kepala dan tidak sombong agar tidak dibenci orang. Sifat padi yang dibawa dalam peribahasa ini, iaitu makin berisi buah padi, makin tunduk ke bumi pokok padi tersebut digambarkan sebagai perumpamaan terhadap keadaan manusia yang berada pada fasa kejayaan dalam hidupnya yang perlu sentiasa merendah diri walau betapa tinggi ilmu, kedudukan dan pangkatnya yang dilihat amat bertepatan dengan maksud peribahasa yang ingin disampaikan.

Dengan berdasarkan huraian makna peribahasa **bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk** dalam skop bertemakan “Pekerjaan/Kerjaya” dengan menggunakan perspektif semantik inkuisitif ini, jelaslah bahawa keterlibatan tafsiran akal berjaya menyerlahkan falsafah dan makna sebenar di balik pembentukan peribahasa ini. Peribahasa **bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk** bukan sekadar bermaksud bahawa seseorang itu perlu sentiasa merendah diri sahaja, tetapi turut menekankan kepentingan untuk memiliki ilmu bagi mencapai kejayaan dalam kehidupan. Makna peribahasa ini secara jelasnya meletakkan susunan ilmu sebelum kedudukan dan pangkat yang memberikan gambaran bahawa pendidikan mampu meningkatkan status sosial seseorang, seperti kedudukan dan pangkat, kepada tahap yang lebih tinggi, tetapi semua kelebihan yang dimiliki perlu dilapisi dengan sifat merendah diri. Bukan itu sahaja, melalui analisis semantik inkuisitif ini juga, pengkaji berjaya mencungkil ilmu yang merentas kajian bahasa apabila turut menonjolkan ilmu yang berkaitan dengan proses fisiologi tanaman padi.

PERBINCANGAN

Dengan berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap makna peribahasa **hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai** dan **bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk** dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif, jelaslah bahawa pendekatan ini dapat diintegrasikan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran peribahasa yang dapat dimanfaatkan dalam bidang

pendidikan. Dengan berdasarkan dapatan kajian, pendekatan semantik inkuisitif pada dasarnya dapat dimanfaatkan dan dijadikan rujukan oleh guru sebagai kaedah alternatif dalam pengajaran peribahasa bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih menarik dan bersifat menyeluruh (Muhammad Faez Nurazman Amrullah et al., 2022).

Selain itu, penggunaan pendekatan semantik inkuisitif sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran peribahasa dilihat mampu membantu pelajar memahami makna peribahasa dalam konteks yang lebih mendalam dan bukan sekadar mengetahui makna literal peribahasa berdasarkan kamus sahaja. Dengan berpandukan analisis data yang telah dilakukan, pendekatan semantik inkuisitif dilihat mampu untuk mengembangkan kemahiran berfikir, menjadikan proses pembelajaran lebih interaktif dan menggalakkan pelajar berfikir secara lebih kritis. Dapatan ini turut disokong oleh kajian George Romiko Bujang dan Mary Fatimah Subet (2021, 2022a, 2022b) yang menyatakan bahawa penggunaan pendekatan semantik inkuisitif dalam pengajaran dan pembelajaran seni bahasa, kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan pelajar dapat dikembangkan dengan baiknya.

Selain itu, menerusi pengaplikasian pendekatan semantik inkuisitif, pengajaran peribahasa dapat dilakukan secara berperingkat berpandukan Hierarki Taksonomi Bloom (Anderson et al., 2000). Pendekatan ini dimulakan dengan mempelajari makna daripada kamus peribahasa, kemudian diteruskan dengan pemahaman makna peribahasa dalam konteks ujaran sehingga analisis mendalam makna peribahasa yang mampu mencetuskan penemuan baharu. Kajian ini juga menunjukkan bahawa analisis makna peribahasa menggunakan pendekatan semantik inkuisitif dapat menyerlahkan pelbagai disiplin ilmu yang tidak terbatas pada pembelajaran bahasa sahaja, yang dikenali sebagai Elemen Merentas Kurikulum (EMK) dalam KSSM Bahasa Melayu. Dalam kajian ini, ilmu zoologi contohnya, dapat dipelajari melalui analisis makna peribahasa **hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai** yang menunjukkan hubungan sifat haiwan bagi menyampaikan maksud kepentingan menuntut ilmu daripada orang yang pakar dalam bidangnya. Seterusnya, pengetahuan tentang ilmu botani/pertanian dapat dipelajari melalui analisis makna peribahasa **bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk**. Dalam analisis makna peribahasa ini, proses pertumbuhan padi diumpamakan sebagai sikap merendah diri yang perlu diamalkan oleh seseorang walaupun ilmu dan kedudukannya tinggi dalam masyarakat. Dapatan ini turut ditemukan dalam beberapa kajian

terdahulu, termasuklah kajian yang dilakukan oleh Muhammad Zaid Daud (2018a, 2018b), Murthy dan Mary Fatimah Subet (2019), serta Murthy et al. (2019) dan Junaini Kasdan dan Julaina Nopiah (2021) yang menyatakan bahawa penggunaan pendekatan semantik inkuisitif dapat mencungkil pengetahuan yang merentas pelbagai disiplin ilmu dalam analisis makna peribahasa yang dilakukan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, pengaplikasian kerangka semantik inkuisitif dalam analisis makna peribahasa dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 terbukti dapat membantu pembelajaran makna peribahasa secara menyeluruh dalam pelbagai aspek dan konteks. Pendekatan ini tidak terbatas pada kajian linguistik untuk memahami bahasa dan makna sahaja, tetapi turut bermanfaat dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu. Pendekatan ini mempunyai persamaan dengan beberapa strategi pedagogi yang disarankan oleh KSSM Bahasa Melayu, seperti Pembelajaran Kontekstual, Pembelajaran Berasaskan Inkuiri, Pendekatan Tematik dan Elemen Merentas Kurikulum. Menerusi pengaplikasian pendekatan semantik inkuisitif untuk menganalisis makna peribahasa, proses pembelajaran peribahasa di dalam kelas menjadi lebih menarik dan bermakna. Pendekatan ini bukan sahaja dapat membantu meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi pelajar dan membantu pelajar memahami peribahasa secara abstrak, tetapi turut mendorong pembelajaran secara multidisiplin yang merangkumi pelbagai bidang ilmu. Kelebihan ini sekali gus memberikan peluang kepada pelajar untuk memperluas pengetahuannya dan menghargai keindahan peribahasa sebagai warisan budaya dan bangsa.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia kerana membiayai pengajian dan penyelidikan ini, begitu juga kepada Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak yang menyediakan kemudahan pengajian dan penyelidikan.

SUMBANGAN PENGARANG

Mohd Ridzuan Md Nasir: Konsep dan reka bentuk kajian, penyediaan makalah akhir, semakan, pengesahan makalah akhir, penghantaran

manuskrip akhir dan pembetulan manuskrip akhir; Mary Fatimah Subet: Penyeliaan penyelidikan, semakan dan pemurnian makalah, serta pengesahan makalah.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia daripada pengarang koresponden atas permintaan.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Ahmad Akmal & Tety R. Sutedja. (2022). *Ensiklopedia sains: Alam haiwan*. Sam Synergy Media Sdn. Bhd.
- Ahmad Mahmood Musanif, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Nor Azuwan Yaakob & Norizan Che Su. (2011). Pengetahuan makna peribahasa dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *Jurnal Linguistik*, 13(1), 1–16.
- Aisa Nurfika Mohd Sabarudin & Nurul Jamilah Rosly. (2021) Unsur bunga dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Languages*, 4(2), 188–207.
- Al-Quran. (1987). *Al-Quran dan terjemahannya*. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (JAKIM).
- Aminnudin Saimon & Muhammad Asyraf Md. Rashid. (2022). Konsep kepemimpinan dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 12(1), 6–17. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v12i1.6839>
- Anderson, L. W., Krathwohl, D. R., Airasian, P. W., Cruikshank, K. A., Mayer, R. E., Pintrich, P. R., Raths, J., & Wittrock, M. C. (2000). *A taxonomy for learning, teaching and assesing: A revision of bloom's taxonomy of educational objectives*. Longman
- Asad Mohamed & Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Abstraksi objek konkrit dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Bahasa* 18(2), 197–218. [https://doi.org/10.37052/jb18\(2\)no1](https://doi.org/10.37052/jb18(2)no1)
- Asmah Haji Omar. (2015). *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azrizan Abu Bakar, Nik Ammar Syaffian, Nik Rosli Ibrahim, Zanariah Mat Isa, Rosemini Abdul Salam & Mohd Sarifuddin Mat Salleh. (2020). Augmented reality mengatasi miskonsepsi pembentukan peribahasa. *Journal of Advanced*

- Research in Social and Behavioural Sciences*, 19(1), 26–32. <https://doi.org/10.37934/arsbs.19.1.2632>
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2018). *Kurikulum standard sekolah menengah bahasa Melayu: Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran tingkatan 4 dan 5*. <http://bpk.moe.gov.my/index.php/terbitan-bpk/kurikulum-sekolah-menengah>
- Bakri Hussein Suleiman Al-Azzam. (2018). Culture as a problem in the translation of Jordanian proverbs into English. *International Journal of Applied Linguistics & English Literature*, 7(1), 56–63. <https://doi.org/10.7575/aiac.ijalel.v.7n.1p.56>
- Black, J. C. (2000). Figuration, lexis and cultural resonance. *Pragmatics. Quarterly Publication of the International Pragmatics Association (IPrA)*, 10(3), 281–300. doi:10.1075/prag.10.3.02cha
- Brown, C. C. (1951). *Malay sayings*. Routledge & Kegan Paul.
- Datu Ramlee Datu Amir Hussin. (2020, 3 Disember). *Meningkatkan penguasaan penggunaan peribahasa dalam kalangan pelajar Tingkatan 3 Amanah melalui project based learning: Kamus mini 3D [Pembentangan kertas]*. International Conference on Education, Social Sciences & Technology. Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
- Elaheh Rafatbakhsh & Alireza Ahmadi. (2019). A thematic corpus-based study of idioms in the corpus of contemporary American English. *Asian-Pacific Journal of Second and Foreign Language Education*, 4(11), 1–21.
- Fransisca Yanti, Hariyono Kacung & Irwan Sadiman. (2014). Aplikasi konsorsium bakteri terhadap pertumbuhan dan hasil pada beberapa varietas padi. *Berkala Ilmiah Pertanian (BIP)*, 1(1), 1–5.
- George Romiko Bujang & Mary Fatimah Subet. (2021). Penggabungjalinan pendekatan semantik inkuisitif dengan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran-pembelajaran bahan seni bahasa. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(2), 55–66. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.2.5.2021>
- George Romiko Bujang & Mary Fatimah Subet. (2022a). Memperkasakan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam mengungkap makna di sebalik bahan seni bahasa: Satu pendekatan semantik inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)*, 5(1), 101–113. <https://doi.org/10.37231/apj.2022.5.1.317>
- George Romiko Bujang & Mary Fatimah Subet. (2022b). Meneroka makna ungkapan dalam bahan seni bahasa tahun lima: Satu analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(1), 9–12.
- Hajira Ramlan. (2021, 21 Februari). Itik: Spesies, ciri-ciri, penternakan dan ekonomi. *Root of science*. <https://rootofscience.com/blog/2021/biologi/itik-spesies-ciri-ciri-penternakan-dan-ekonomi/>
- Hajira Ramlan. (2021, 31 Mac). Tupai: Spesies, ciri-ciri dan kelakuan. *Root of science*. <https://rootofscience.com/blog/2021/biologi/tupai-spesies-ciri-ciri-dan-kelakuan/>
- Hamilton, A. W. (1947). *Malayan nursery rhymes*. The Methodist Publishing House.

- Hasmidar Hassan. (2016). Penginterpretasian peribahasa dan hubungannya dengan kemahiran berfikir: Analisis berdasarkan Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*, 16(1), 94–119.
- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. (2018). Refleksi gastronomi dalam komunikasi: Analisis semantik inkuisitif. *Malaysian Journal of Communication* 34(1), 185–201.
- Junaini Kasdan & Julaina Nopiah. (2021). Padi dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 9(1), 59–72.
- Kamus dewan edisi keempat*. (2016). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus istimewa peribahasa Melayu edisi kedua*. (2016). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus peribahasa*. (2017). Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Bahasa Melayu Tingkatan 4*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Bahasa Melayu Tingkatan 5*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kempson, R. M. (1986). Ambiguity and the semantics and pragmatics distinction. Dlm. C. Travis (Ed.), *Meaning and interpretation* (135–154). Basil Blackwell.
- Kingkin Puput Kinanti & Anita Kurnia Rachman. (2019). Padi bagi masyarakat Indonesia: Kajian semantik inkuisitif pada peribahasa Indonesia. *Jurnal Kajian Bahasa dan Sastra Indonesia (Basastra)*, 8(1), 29–43.
- Mary Fatimah Subet & Mohd Ridzuan Md Nasir. (2019). Analisis semantik inkuisitif peribahasa bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction (MJLI)*, 16(2), 227–253.
- Mashhor Mansor & Mohd Kipli Abdul Rahman. (2014). *Merekayasa kearifan tempatan: Alam dan manusia*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mohammad Rizhan Leman. (2017, 1 Ogos). Pendekatan wasatiy dalam menuntut ilmu. *Pergas*. <https://blog.pergas.org.sg/wasat/pendekatan-wasatiy-dalam-menuntut-ilmu/>
- Mohd Ridzuan Md Nasir. (2019). *Semantik inkuisitif dan penggabungjalannya dengan pendidikan melalui kaedah pengajaran peribahasa Melayu* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaysia Sarawak.
- Muhamad Fadzllah Zaini & Nor Hashimah Jalaluddin. (2019). Struktur seni bina Melayu “tangga” dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(1), 1–26.
- Muhammad Faez Nurazman Amrullah, Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad & Zamri Mahamod. (2022). Malay idioms teaching module development: A needs analysis of teachers. *Malay Language Education Journal*, 12(2), 82–93.
- Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet. (2022). Ayam sebagai rujukan makna inkuisitif berhati-hati, sia-sia dan khianat dalam peribahasa Melayu. *Kajian Malaysia*, 40(1), 179–213. <https://doi.org/10.21315/km2022.40.1.9>
- Muhammad Zaid Daud. (2018a). Domain rezeki dalam peribahasa Melayu berorientasikan Aves melalui perspektif semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(1), 19–28.

- Muhammad Zaid Daud. (2018b). *Gallus gallus domesticus* dan *Paradoxurus hermaphroditus* dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Sains Humanika*, 10(2), 41–51.
- Murthy, T., & Mary Fatimah Subet. (2019). Imej katak (கூழைக்காய்) dalam peribahasa Tamil: Analisis semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 4(1), 31–41.
- Murthy, T., & Mary Fatimah Subet. (2020). Gajah (ஓட்டைக்காய்) dalam peribahasa Tamil: Analisis semantik inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)*, 3(2), 134–146. <https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.2.190>
- Murthy, T., Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud. (2019). Peribahasa Tamil berimej lada hitam sebagai tradisi lisan: Analisis semantik inkuisitif. *The International Journal of Creative Futures and Heritage (IJCFH)*, 7(2), 70–88.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Juliana Nopiah. (2011). Penguasaan tatabahasa remaja Malaysia: Analisis pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 11(1), 63–82.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. (2010). Remaja Malaysia dan peribahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*, 10(1), 158–172.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2020). Metafora dan akal budi. Dlm. Nor Hashimah Jalaluddin (Ed.), *Pragmatik: Teori dan praktis* (341–364). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norleyza Jailani, Cindy Tan Shing Ning, Rodziah Latih, Amirah Ismail, Zurina Muda, Marini Abu Bakar, Azmin Sham Rambely, Maslida Yusof & Norhayati Md Yatim. (2020). Reka bentuk aplikasi multimedia berasaskan kinect untuk pembelajaran peribahasa Melayu. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education (AJTLHE)*, 12(2), 152–176.
- Peribahasa wajib tahu dan faham*. (2023). Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.
- Richard W. T. Jr., John, L. K., Michael, A. S., & James, F. W. (2012). *Squirrels of the world*. The Johns Hopkins University Press.
- Samburskiy, D. (2020). The effect of a dual coding technique on idiom interpretation in ESL/EFL learners. *International Journal of Instruction*, 13(3), 187–206. <https://doi.org/10.29333/iji.2020.13313a>
- Siti Elmira Jonteng, Yazid Yahya, Siti Farida Salleh, Nurul Aida Abdullah & Mary Fatimah Subet. (2021). Imej perlambangan “tangan” dalam simpulan bahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)*, 4(1), 108–131. <https://doi.org/10.37231/apj.2021.4.1.261>
- Siti Fatimah Ahmad & Ab. Halim Tamuri. (2010). Persepsi guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi multimedia dalam pengajaran J-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 53–64.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and cognition*. Blackwell Publishers.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). *Peribahasa Melayu: Penelitian makna dan nilai*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.